

18% pesisiran Malaysia jadi laut menjelang tahun 2100

Kedah dijangka paling awal tenggelam

Oleh **UMAVATHI RAMAYAH**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 9 OGOS**

KIRA-KIRA 18 peratus daripada permukaan bumi Malaysia berkemungkinan tenggelam dalam tempoh 84 tahun lagi ekoran fenomena peningkatan paras laut.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kajian saintifik antarabangsa yang dibuat oleh sekumpulan pakar mendapati sebahagian besar kepulauan Asia Pasifik termasuk Malaysia akan tenggelam menjelang 2100.

“Berdasarkan keadaan bentuk muka bumi yang rendah, Kedah dikenal pasti sebagai antara lokasi yang mempunyai risiko tinggi untuk tenggelam.

“Selain Kedah, kebanyakan kawasan pesisiran pantai turut berdepan dengan masalah itu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pembangunan Hutan Mampan Mengenai Perubahan Iklim (SFDCC) anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli, Datuk Seri Azizan Ahmad; Timbalan Naib Canselor bahagian Akademik dan Antarabangsa, UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin; Pengarah Jabatan Perhutanan



Kajian saintifik antarabangsa yang dibuat oleh sekumpulan pakar mendapati sebahagian besar kepulauan Asia Pasifik termasuk Malaysia akan tenggelam menjelang 2100.”

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Seri Dr. Abd. Rahman Abd. Rahim dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, kajian menunjukkan peningkatan karbon dioksida (CO₂) sebanyak 450 bahagian dalam setiap sejuta (ppm) sudah memadai untuk mencairkan ais di kawasan Kutub Utara.

“Melihat kepada keadaan sekarang, pemanasan global boleh mencecah kira-kira 560ppm menjelang tahun 2100. Keadaan ini mampu meningkatkan paras air laut kira-kira 25 meter,” katanya.

Selain pembebasan CO₂, kecairan ais yang berlaku katanya, adalah berpunca daripada pemanasan global yang disebabkan oleh pembuangan sisa industri yang tidak dikawal dan pertambahan penduduk manusia.

Beliau berkata, langkah terbaik untuk memperlambatkan pencairan ais ialah dengan menghadkan aktiviti yang menyebabkan pemanasan global.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, kegagalan Malaysia untuk mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Konvensyen Rangka Kerja Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perubahan Iklim (UNFCCC) juga akan menyaksikan negara berdepan dengan masalah-masalah lain seperti kesukaran untuk meramalkan perubahan iklim termasuk peningkatan suhu, ribut taufan, hujan dan sebagainya.

“Kajian-kajian berkaitan dengan perubahan iklim serta strategik perlu dipertingkatkan lagi untuk memastikan bekalan hutan yang mampan dan fungsinya tidak terjejas agar dapat dimanfaatkan kepada generasi akan datang,” ujarnya.